

# UPM jalin kerjasama dengan IKMa lahir graduan berdaya tahan

**SERDANG** - Universiti Putra Malaysia (UPM) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dalam membangunkan bidang pendidikan menerusi program persijilan dan kemahiran, selain penyelidikan, teknologi serta latihan industri.

Naib Canselor UPM, Profesor Datuk Dr Mohd Roslan Sulaiman berkata, agenda MoU itu bertepatan dengan matlamat utama Pelan Strategik UPM 2021-2025 iaitu melahirkan watak graduan berdaya tahan dalam mendepani cabaran mendatang.

"Apa yang saya maksudkan dengan berdaya tahan adalah graduan yang berilmu, pengetahuan luas, kepelbagaian kemahiran hidup, di samping mampu berfikir secara kritikal dan analitikal.

"Selain itu, mampu memupuk kemahiran komunikasi, mempunyai ciri kepimpinan serta bertanggungjawab kepada agama, keluarga, bangsa dan negara," katanya ketika berucap



**Mohd Ali (dua dari kiri) dan Mohd Roslan (dua dari kanan) pada sesi menandatangani MoU antara UPM dan IKMa di Serdang pada Khamis.**

pada majlis menandatangani MoU antara UPM dan IKMa, di sini pada Khamis.

Dalam pada itu, Mohd Roslan turut berharap agar kerjasama strategik UPM-IKMa dapat membantu membangunkan gerakan koperasi yang lebih

dinamik, berdaya saing dan lebih produktif selaras dengan matlamat Dasar Keusahawanan Nasional 2030 dan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025 (TransKoM).

"Pelajar UPM tentunya akan memperoleh manfaat yang be-

sar melalui penglibatan bersama koperasi kelak," tambahnya.

Sementara itu, Ketua Pengarah IKMa, Datuk Mohd Ali Mansor berkata, kerjasama itu juga dapat melahirkan modal insan yang produktif dan berilmu bagi memenuhi keperluan pem-

bangunan profesionalisme dalam pengurusan gerakan koperasi.

"Dalam TransKoM, kita menyasarkan untuk mendapatkan pendapatan RM100 bilion pada tahun 2030. Sekarang kita berada pada sasaran RM40 bilion.

"Ia memerlukan satu usaha yang besar daripada konsep modal insan. Diharap dengan kerjasama ini, kita dapat menyediakan satu pelan pembangunan pendidikan koperasi supaya akhirnya kita dapat membantu 'sektor ini,'" katanya.

Mohd Ali memberitahu, beliau turut berharap agar kerajaan terus memberikan ruang dalam sektor pembangunan ekonomi.

"Kita perlu berusaha melebarkan graduan kita membina kerjaya terutama di 10 negara ASEAN yang lain.

"Dalam bidang koperasi ini, kami mahu menjadikan IKMa sebagai model di mana semua korporat sama ada ASEAN dan dunia datang ke sini. Dari situ kita dapat membuka jaringan dan peluang baharu kepada graduan nanti," ujarnya.